

Ketua Pemuda, Puteri berpeluang kekalkan jawatan

UM - 2 AUG 2003

KUALA LUMPUR 1 Ogos — Ketua Pemuda dan Puteri UMNO peringkat bahagian yang habis tempoh usia sebagai penyandang masih berpeluang mengekalkan jawatan meskipun terlibat dengan pembubaran bahagian bagi menubuhkan jawatankuasa penaja baru.

Naib Presiden UMNO, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, peluang untuk Ketua Pemuda dan Puteri UMNO peringkat bahagian mengekalkan jawatan itu cuma bagi tempoh peralihan sehingga pemilihan parti pada tahun depan.

“Perkara ini telah dibincangkan pada mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) yang diengerusikan oleh Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad semalam,” katanya.

Mengikut amalan parti, had usia bagi penyandang jawatan Ketua Pemuda peringkat bahagian ialah 40 tahun dan Puteri setakat 35 tahun.

Muhyiddin yang juga Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan demikian pada sidang akhbar selepas majlis pelancaran pasar raya Carrefour Cheras, Jalan Peel, di sini hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam bahawa kesemua 165 bahagian parti serta Wanita, Pemuda dan Puteri UMNO terlibat dengan pembubaran untuk diletakkan di bawah jawatankuasa penaja.

Abdullah berkata, pembubaran semua bahagian UMNO tersebut serentak dengan langkah menubuhkan jawatankuasa penaja untuk 25 bahagian baru parti itu ekoran persempadanan semula kawasan pilihan raya.

“Semua bahagian terlibat (dengan pembubaran) sama ada (25) bahagian yang terlibat dengan persempadanan semula, yang baru dibuka atau yang lama,” katanya.

Menurut Abdullah, jawatankuasa penaja bahagian “UMNO itu boleh mengekalkan jawatankuasa lama atau kemungkinan melantik muka baru.

Muhyiddin seterusnya berkata, MT UMNO bersetuju untuk membenarkan Ketua Pemuda dan Puteri UMNO peringkat bahagian mengekalkan jawatan supaya kepimpinan sayap parti berterusan dalam tempoh peralihan itu.